

# Presiden UMNO: 8 Bahagian di Perak tetap calonkan Hussen

Oleh RAZAK  
RAFFLIS

IPOH, Isnin — Lapan Bahagian UMNO di Perak akan tetap mencalonkan Datuk Hussein Onn untuk jawatan Presiden UMNO walaupun Perdana Menteri menyatakan keenggannya untuk bertanding bagi jawatan tersebut di perhimpunan agung UMNO bulan depan.

Bahagian-bahagian tersebut ialah Grik, Larut, Bagan Serai, Padang Rengas, Taiping, Kinta, Batang Padang dan Parit Buntar.

Lain-lain Bahagian mencalonkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk jawatan Presiden.

Ini adalah berdasarkan pencalonan untuk jawatan Presiden, Timbalan dan Naib Presiden dibuat oleh kesemua 21 Bahagian UMNO di Perak yang selesai mengadakan mesyuarat perwakilan mereka.

Limz Bahagian yang terakhir mengadakan mesyuarat perwakilan mereka ialah Menglembu, Bruas, Bagan Datoh, Grik dan Sungai Siput Utara. Mesyuarat mereka diadakan semalam.

Dari 21 bahagian, dua bahagian tidak membuat sebarang pencalonan melainkan untuk jawatan Presiden UMNO sahaja.

Kedua bahagian itu adalah Matang dan Bruas yang hanya mencalonkan Datuk Seri Dr. Mahathir untuk jawatan Presiden.

Untuk jawatan Timbalan Presiden, Datuk Seri Dr. Mahathir mendapat sokongan terbanyak dengan tujuh pencalonan.

Tujuh bahagian iaitu Menglembu, Sungai Siput Utara, Parit, Bagan Datoh, Batu Gajah, Lumut dan Ipoh mencalonkan Datuk Musa Hitam untuk jawatan Timbalan Presiden, manakala empat bahagian — Kuala Kangsar, Tanjung

Mallim, Teluk Anson dan Hilir Perak — mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah.

Untuk jawatan Naib Presiden pula, Tengku Razaleigh mendapat 15 pencalonan manakala Datuk Musa Hitam mendapat 12 pencalonan.

Lain-lain tokoh umno yang mendapat pencalonan Naib Presiden ialah Encik Ghafar Baba dengan 15 pencalonan, Datuk Haji Harun Idris (4), Menteri Besar Perak (3), Datuk Seru Abdul Rahman (2), Dr. Nawawi Mat Awin (2), Tengku Ahmad Rithauddeen (1), Datuk Rais Yatim (1), Tan Sri Ghazali Shafie (1) dan Ketua Bahagian Ipoh, Datuk Ismail Majid (1).